



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

## **GARIS PANDUAN**

---

Penggunaan Media Sosial  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## OBJEKTIF

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara, peraturan dan kawalan kandungan media sosial yang perlu dipatuhi oleh warga UKM dan Pusat Tanggungjawab (PTj) UKM supaya:

- Penyebaran dan perkongsian maklumat adalah terkawal.
- Maklumat yang dipaparkan tidak akan menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara.
- Mengelakkan isu salah laku dan penyebaran maklumat tidak beretika di media sosial.
- Memastikan maklumat yang disampaikan adalah jelas dan tepat; dan
- Menampilkan imej korporat UKM.

## LATAR BELAKANG

Laman media sosial adalah salah satu medium komunikasi terkini di mana:

- Di UKM, penggunaan media sosial adalah sangat meluas dan tidak dihadkan penggunaannya. Namun begitu, pihak universiti masih memantau, mengawal dan menetapkan had dan batasan yang perlu difahami dan diikuti oleh semua Warga Universiti & PTj samada untuk urusan rasmi atau peribadi.
- Garis Panduan media sosial diwujudkan untuk memastikan setiap pemilihan dan kandungan yang dimuat naik ke laman sosial adalah tepat dan tidak menjejaskan reputasi universiti dan kepentingan awam.
- Membantu penyebaran dan penyampaian maklumat dilakukan dengan cepat, produktif dan berkesan melalui internet.
- Membantu pihak universiti berhubung dan menyampaikan maklumat dengan pantas kepada para pensyarah, pelajar, staf, ibubapa, alumni dan orang awam samada di dalam atau di luar negara.
- Sebagai medium memperkenalkan UKM di persada antarabangsa.

## TAFSIRAN

Berdasarkan garis panduan ini, tafsiran yang diguna pakai adalah seperti berikut;

- Media sosial merujuk kepada kemudahan aplikasi Internet yang dicipta untuk membolehkan penyampaian maklumat dan kandungan media serta untuk mempermudah interaksi di antara pengguna dan penyelia kandungan.
  - Media sosial terdiri daripada Facebook, Twitter, Flickr, Youtube, Blog, Google +, Intagram dan lain-lain.
  - Media Sosial UKM terdiri daripada media sosial yang diwujudkan untuk kegunaan rasmi (UKM/ Fakulti/ Institut/ Pusat dan Jabatan).
-

## PERATURAN

- Berhati-hati mengenai maklumat sulit: dilarang mendedahkan maklumat sulit mengenai Universiti, maklumat peribadi pelajar, staf, alumni atau pihak-pihak yang bekerjasama atau rakan kongsi Universiti (partners).
- Berwaspada dengan hakcipta dan harta intelek pihak lain dan pihak Universiti.
- Penggunaan logo Universiti hanya dibenarkan kepada laman media, lama web, atau saluran rasmi Universiti serta untuk acara atau maklumat rasmi Universiti sahaja. (Rujuk: [Polisi dan Garis Panduan Penggunaan dan Pelesenan Cap dagangan Universiti Kebangsaan Malaysia](#))
- Dilarang memuat naik, berkongsi maklumat, pautan, gambar, video atau bahan-bahan yang berunsur negatif termasuk yang berunsur lucah, perkauman, ganas atau penghinaan, pernyataan fitnah, ancaman atau berbau hasutan yang boleh memburuk dan menjatuhkan imej Universiti, Kerajaan dan Institusi Raja.
- Dilarang memuat naik atau berkongsi bahan yang berunsur aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti pengganas.
- Dilarang memuat naik iklan berkaitan perniagaan dan pemasaran di laman sosial rasmi PTJ, Jabatan, Unit, Fakulti dan Universiti tanpa arahan atau mendapat kebenaran dari Pusat Komunikasi Korporat (PKK) melalui Ketua Jabatan.

## PANDUAN

- *Benar dan tepat* : Pastikan fakta, kandungan, tatabahasa dan ejaan disemak terlebih dahulu sebelum disebarkan.
  - *Fikir dan pastikan* : Setiap yang dipaparkan dalam laman media sosial dibaca dan berkemungkinan disebar luas dengan sangat cepat. Elakkan mengumumkan sesuatu pengumuman yang belum di paparkan dalam laman web rasmi dan Portal eWarga. Sekiranya kurang pasti tentang sesuatu berita atau pengumuman, semak terlebih dahulu dengan PKK, Pejabat Pendaftar dan PTJ berkenaan.
  - *Memelihara dan melindungi reputasi Universiti* : Gunakan ayat yang baik serta tunjukkan profesionalisme dalam setiap hebahan atau komen. Sekiranya ada kritikan dari pihak luar, jawab dan komen dengan mesra, berhemah dan profesional serta sentiasa menunjukkan rasa hormat kepada semua pihak.
  - *Fahami cara dan peraturan* : Cuba fahamkan peraturan dan polisi yang dikeluarkan oleh setiap laman sosial (contoh : [Facebook Privacy Policy](#) , [Twitter Privacy Policy](#) , [Instagram Privacy Policy](#) , [Youtube Policy Center](#))
-

- *Kesilapan* : Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, akui pada umum, buat pembedahan dan mohon maaf pada pihak yang berkaitan secara terus dalam laman sosial yang terlibat.
- *Maklumkan* : Sekiranya Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan / anda ingin membangunkan saluran / laman di media sosial, maklumkan kepada PKK untuk tujuan rekod dan pemantauan.

#### **Tanggungjawab Warga UKM (staf dan pelajar)**

Sebagai warga UKM, yang mana di dalam laman sosial peribadi dinyatakan bahawa mereka adalah staf atau pelajar UKM mereka haruslah bertanggungjawab memastikan setiap pernyataan/ status/ dan maklumat yang dinyatakan dan dikongsikan di laman sosial adalah:

- Lengkap dan jelas pernyataannya
- Tidak menjejaskan imej Kerajaan
- Tidak mengandungi maklumat rahsia dan isu-isu sensitif seperti agama, politik, perkauman, Institusi Raja atau yang boleh menyentuh sensitiviti umum di Malaysia
- Tidak mengandungi unsur lucah
- Tidak mengandungi unsur fitnah, hasutan dan menyalahi undang-undang
- Tidak berniat mengaibkan individu atau kumpulan tertentu
- Tidak menyalahgunakan kemudahan sosial sehingga mengganggu kualiti masa bekerja

#### **Tanggungjawab Webmaster dan PTJ (Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan)**

Setiap pengurus atau pasukan pengendali laman sosial PTJ Institut, Pusat, Jabatan dan Fakulti haruslah;

- Menyemak dan mengemaskini kandungan media sosial rasmi Fakulti, Institut, Pusat dan Jabatan secara berkala. Disarankan setiap dua(2) hari.
- Mengesahkan kesahihan maklumat yang akan dimuat naik di laman sosial.
- Menyemak dan memilih foto dan video yang sesuai untuk dimuat naik, kriteria yang perlu dipatuhi adalah:
  - Foto dan video haruslah berkaitan dengan pelaksanaan program atau acara rasmi universiti sahaja.
  - Foto dan video yang dimuat naik mesti disertakan penerangan (*caption*) yang mengandungi nama program/ acara, tarikh, masa, tempat dan tetamu yang menghidirinya.
  - Foto dan video tersebut boleh meningkatkan imej dan nama baik universiti.
  - Foto dan video yang boleh menggalakkan perbincangan serta percambahan idea yang kreatif dan inovatif.
  - Foto dan video yang dapat mempromosikan inisiatif universiti.
  - Foto dan video yang dimuat naik hendaklah jelas dan berkualiti.

- Elakkan memuatnaik foto dan video yang tidak sesuai dan tidak berkaitan dengan program atau acara rasmi universiti. Contoh: Foto yang dimuat naik menunjukkan seseorang yang sedang menikmati jamuan.
- Elakkan juga foto dan video yang boleh menjejaskan imej universiti. Contoh: Foto seorang pegawai dengan mata terpejam, menggaru atau sedang menguap, perlakuan tidak sopan (sedang memegang hidung, pandangan yang di ambil dari sudut belakang) dan situasi yang boleh di salah anggap (Menunding jari, bersalaman tetapi kurang mesra, muka VIP yang sedang tunduk ke bawah, gambar meja makan dengan sisa makanan).
- Untuk rujukan mengenai Etika Memuatnaik foto di laman sosial boleh menghubungi Unit Foto PKK di talian 03 - 8921 5052 (En. Ikhwan Hashim/ En. Ahmad Shahiddan)
- Foto bersifat peribadi dan bukan acara/ aktiviti PTJ seperti foto hari jadi kakitangan, ucapan perkahwinan, mesyuarat dalaman PTJ dan lain-lain.
  - Menggunakan ayat yang lengkap dan jelas maksudnya.
  - Menggalak dan mempromosikan penggunaan media sosial.
  - Menapis komen, pertanyaan atau maklumat daripada pengguna; dan
  - Menghapuskan pautan iklan atau perkhidmatan komersil yang ditawarkan oleh pihak luar atau lain-lain pautan yang tidak berkaitan.

### **TARIKH KUAT KUASA**

Garis panduan ini akan berkuat kuasa serta-merta pada tarikh 2 Mac 2015 dan telah disemak semula pada 1 November 2019. Garis Panduan ini haruslah dipatuhi oleh semua warga UKM dan PTJ UKM.

### **PENUTUP**

Kerjasama dan komitmen daripada semua warga UKM untuk berkongsi maklumat dapat membuka ruang yang lebih luas. Pengendalian media sosial secara profesional adalah penting dalam perkongsian dan penyebaran maklumat dengan orang ramai. Perkongsian ini perlulah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi melahirkan perhubungan yang harmoni.

**RUJUKAN** (akan dikemaskini)

1. [Garis Panduan Tatacara Pemilihan Kandungan Media Sosial MAMPU](#) (.pdf)
2. [Dasar dan Amalan Terbaik Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam](#) (.pdf)
3. [Garis Panduan Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan](#) (.pdf)
4. [Garis Panduan Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam](#) (.pdf)

**DISEDIAKAN OLEH**

Unit Web dan Media Sosial  
Pusat Komunikasi Korporat  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi,  
Selangor.

Tel Pejabat Utama: +603 8921 5540/ 3370/ 4254

Fax: +603 8921 4097 (Pejabat Utama, Bangunan Canselori)

Emel: [pkk@ukm.edu.my](mailto:pkk@ukm.edu.my) / [mediasosial@ukm.edu.my](mailto:mediasosial@ukm.edu.my)

---